

Dr M saman Anwar, tuntutan ganti rugi RM150j

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad mengemukakan saman fitnah terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan menuntut ganti rugi RM150 juta berhubung ucapan perdana menteri itu di Kongres Nasional Khas Malaysia Madani 'Pelaksanaan Sebuah Idealisme' pada Mac lalu.

Dr Mahathir mendakwa, kenyataan Anwar dalam ucapannya itu membawa maksud beliau membolot harta untuk keluarga dan kehilangan harta, aset atau saham orang Melayu adalah berkait dengan harta, aset atau saham milik keluarganya.

Beliau turut mendakwa kenyataan Presiden PKR itu adalah tuduhan berat yang membawa impak besar terhadap dirinya yang membawa maksud kononnya bekas Perdana Menteri keempat dan ketujuh itu adalah seorang yang bersifat perkauman.

Tuntutan saman berkenaan difailkan Dr Mahathir di Mahkamah Tinggi Shah Alam melalui firma guaman Tetuan Law Prac-

tice of Rafique pada 3 Mac lalu dengan menamakan Anwar sebagai defendan tunggal.

Dr Mahathir selaku plaintif dalam pernyataan tuntutannya, berkata keseluruhan program pada 18 Mac lalu dipaparkan secara siaran langsung antara lainnya melalui sidang 'Facebook live' akaun Facebook milik Anwar dan di YouTube PKK.

Malah, plaintif berkata, klip video dan laporan media mengenai kenyataan Anwar ditonton dan disebar luas ke pelbagai rangkaian media massa serta media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram, Tiktok dan YouTube yang secara jelas ditujukan kepadanya.

Bekas Pengerusi Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG), itu berkata kenyataan berkenaan turut bermaksud kononnya beliau individu yang mempunyai kekayaan 'berbilion-bilion', membawa wang itu ke luar negara dan mengelak untuk membayar cukai.

Katanya, kenyataan Anwar ko-

nonnya beliau hanya membincangkan soal rakyat selepas 'kehilangan kuasa' adalah tidak benar yang bertujuan menjatuhkan imejnya.

Timbulkan persepsi buruk

Tegas Dr Mahathir, semua kenyataan itu menimbulkan persepsi buruk dan mencalarakan imejnya sebagai negarawan yang mempunyai reputasi sebagai seorang ahli politik dan pemimpin disegani di seluruh Malaysia dan dunia.

"Saya menafikan segala tuduhan mengenai 'pembolotan' harta untuk keluarga dan anak. Hakikatnya, semua anak saya adalah individu yang berjaya dalam perniagaan tanpa campur tangan saya dan salah guna kuasa saya sebagai Perdana Menteri.

"Hingga kini saya tidak pernah dituduh atau dihukum atas apa-apa kesalahan membabitkan salah guna kuasa dan salah guna wang," katanya.

Dr Mahathir berkata, menga-

mbil faktor Anwar adalah perdana menteri yang mempunyai kuasa dan tenaga kerja untuk menyelidik serta memastikan sebarang fakta sebelum ia dituturkan, beliau layak menuntut sejumlah wang ganti rugi tauladan yang tinggi sebagai pengajaran kepada mana-mana pemimpin untuk tidak sewenang-wengannya mengeluarkan kenyataan tanpa usul periksa.

Selain ganti rugi am RM50 juta dan ganti rugi tauladan RM100 juta, Dr Mahathir turut menuntut perintah antaranya Anwar dengan serta-merta menarik balik dan memadam semua kenyataan itu serta mengemukakan permohonan maaf secara bertulis kepadanya.

Sementara itu, di **Banting**, Anwar berkata, beliau menyerahkan soal tuntutan saman fitnah dikemukakan Dr Mahathir untuk diuruskan peguamnya.

"Biar peguam jalankan (tanggungjawabnya)," katanya mengulas ringkas pertanyaan media.